



A global leader
in multidisciplinary
research on forced
migration



Manifesto Dana +20 oleh Masyarakat yang Berpindah

Orang Asal yang Berpindah, Pemuliharaan Alam, Pembangunan Mampan dan Perubahan Iklim Dua puluh tahun selepas Pengisytiharan Dana

Wadi Dana, Jordan September 2022

Ringkasan Eksekutif

Kami, wakil masyarakat yang berpindah – termasuk Orang Asal, masyarakat tradisional dan merantau¹ – serta penyelidik dan pengamal yang prihatin, telah berkumpul di Wadi Dana, Jordan, untuk semak kembali keadaan kehidupan kami, 20 tahun selepas *Pengisytiharan Dana*², dan untuk merancang demi masa hadapan kami. Kami berasal daripada pelbagai bangsa dan dari pelbagai negara merata dunia - termasuk Mongolia, Malaysia, India, Iran, Jordan, Sweden, Nigeria, Cameroon, Kenya, Tanzania, Namibia dan Peru. Terlebih dahulu kami mengucapkan terima kasih atas sokongan daripada agensi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Masyarakat Awam (*Civil Society Organisations* - CSOs) dan Pertubuhan Berasaskan Komuniti (*Community-based Organisations* - CBO), universiti dan badan pemuliharaan, yang telah menaja penganjuran mesyuarat ini dan juga menyertai kami di Jordan untuk bermusyawarah.

Sempena sambutan *Tahun Antarabangsa Padang Ragut Semula Jadi dan Penggembala Berpindah (Pastoralis)* yang akan datang, yang telah dipersetujui oleh Perhimpunan Agung PBB atas inisiatif Kerajaan Mongolia³, kami menegaskan bahawa masyarakat dan penggembala berpindah terdiri daripada ratusan juta orang di seluruh dunia, dengan cara hidup diwarisi secara turun temurun yang telah disesuaikan dengan persekitaran tempatan kami. Cara hidup kami sangat pelbagai dan bergantung pada pelbagai cara pergerakan atau mobiliti demi mengeratkan hubungan kami dengan persekitaran, iaitu wilayah kehidupan kami.⁴ Tempat tinggal kami terbentang luas dan terdiri daripada kawasan jauh ke utara, sehingga gurun yang gersang dan separa gersang, savana, padang rumput dan juga hutan hujan tropika.

Akibat perubahan iklim, masyarakat kami terpaksa menghadapi cabaran yang luar biasa, termasuk kemerosotan tanah, banjir dan kemarau yang teruk, penggurunan (desertifikasi), kemusnahan hutan dan kehilangan kepelbagaian biologi yang mengancam kedaulatan dan jaminan makanan kami serta makanan ternakan. Masalah ini berpunca daripada pencemaran udara akibat penggunaan bahan api fosil, namun cara hidup tradisional kami selalu disasarkan sebagai aktiviti yang merosakkan alam, manakala industri perlombongan dibenarkan meneruskan usaha penggalan.

Kami menyarankan supaya langkah mitigasi perubahan iklim dan pelan penyesuaian dirangka berdasarkan strategi dan pengetahuan pengurusan tanah tradisional kami yang memang disesuaikan kepada keadaan

¹ IFAD 2009. Dasar Perhubungan dengan Orang Asal, IFAD, Rome.

² *Pengisytiharan Dana*, Dana + 10 dan Dana + 20 menyokong pelaksanaan Deklarasi PBB terhadap Hak Orang Asal (*UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* - UNDRIP) dengan sepenuhnya. Rujuk laman web Pengisytiharan Dana: <https://www.danadeclaration.org/>.

³ <https://iyrp.info/>

⁴ <https://www.biodiversity-a-z.org/content/indigenous-peoples-and-community-conserved-territories-and-areas-icca>

yang sering berubah.⁵ Ini bermaksud kami perlu memiliki hak terjamin ke atas wilayah kami, supaya kami dapat meneruskan cara hidup berpindah yang berdaya tahan.

Sebenarnya, wilayah dan kawasan padang ragut kami merupakan rizab biodiversiti yang penting dan menyumbangkan perkhidmatan ekosistem yang tidak ternilai. Cara hidup kami memainkan peranan besar untuk mengekalkan dan menguruskan kawasan masing-masing, sambil membuat sumbangan penting kepada ekonomi dan jaminan makanan negara. Cara hidup berpindah dapat meningkatkan daya tahan alam semula jadi melalui pengurusan tanah dan air yang berkesan, dan harus dijadikan asas untuk pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar. Kami menghargai tindakan oleh beberapa agensi antarabangsa yang telah mengiktirafkan nilai-nilai ini, contohnya Konvensyen PBB untuk Membanteras Penggurunan.⁶ Hasil penyelidikan akademik juga telah menyokong kenyataan kami bahawa penggunaan sumber secara berkala dan berpindah – sama ada memburu, mengumpul hasil hutan, bercucuk tanam secara bergilir, penternakan berpindah ikut musim dan penggembalaan 'nomad' atau perkongsian tanah – biasanya meningkatkan dan bukannya mengurangkan daya tahan biodiversiti dan ekosistem. Namun, kami menyedari bahawa persekitaran dan cara hidup kami terancam akibat peningkatan populasi serta kehilangan tanah dan sumber air kepada penggunaan lain dan penglibatan dalam ekonomi tunai – selalunya atas syarat yang tidak menguntungkan pihak kami. Kami ingin bekerjasama dengan semua orang di pelbagai peringkat demi menghebahkan dan mengekalkan mata pencarian dan cara hidup kami.

Sejak dahulu lagi, cara hidup dan hak asasi kami sering dinafikan dan tidak dihargai. Sesetengah daripada kami pernah mengalami keganasan, dipaksa berpindah dari wilayah masing-masing dan tinggal setempat. Undang-undang telah dirangka untuk menafikan kepada kami hak yang diberikan kepada petani yang menetap setempat. Hak kami ke atas tanah, wilayah, dan sumber asli, untuk menjalankan tadbir urus sendiri dan untuk melaksanakan undang-undang adat tidak dilindungi. Di kebanyakan negara hari ini, prasangka dari segi kebudayaan serta undang-undang dan dasar kerajaan yang diskriminasi masih kekal walaupun negara kami telah mencapai kemerdekaan dan telah mengesahkan perjanjian dan konvensyen hak asasi manusia antarabangsa.⁷ Kami mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh pembela hak asasi manusia dan tanah dalam masyarakat kami. Kami menggesa kerajaan dan masyarakat antarabangsa untuk melindungi mereka yang berusaha untuk melindungi masyarakat berpindah dan persekitaran kami.⁸

Kini kehidupan kami menghadapi ancaman yang semakin besar disebabkan industri perlombongan dan perniagaan tani, kawasan perlindungan yang diwartakan tanpa rundingan, kem pemburuan dan pelancongan, program perpindahan dan penempatan kekal, keadaan yang sukar untuk memperoleh keadilan, prasangka berleluasa terhadap cara hidup kami serta kurang rasa hormat terhadap system tadbir urus dan pengetahuan adat kami. Pemecahan dan pemagaran tanah swasta di dalam wilayah kami serta sempadan negara baru telah memotong laluan penghijrahan tradisional kami. Ini menyebabkan kami tidak dapat sampai ke kawasan padang ragut ataupun hutan seperti dulu. Kami menekankan bahawa kami terus dipaksa untuk mematuhi cara pemuliharaan dan pembangunan yang tidak mengambil kira pandangan kami, yang menyebabkan kehilangan akses kepada tanah dan wilayah kami, penempatan semula secara paksa, kemiskinan dan kehilangan budaya. Malah projek 'Peralihan Hijau' baru – ladang angin, ladang solar dan perlombongan untuk logam nadir – sedang dibangunkan di tanah kami tanpa persetujuan atau mengambil kira hak, kepenggunaan dan keperluan kami di dalam kawasan yang sama.

⁵ Tontoni video CELEP: <https://www.youtube.com/watch?v=DeqITzac9Ac>

⁶ Contohnya: <https://www.unccd.int/news-stories/statements/indigenous-peoples-dialog-climate-change-biodiversity- and-desertification>

⁷ Serta dasar-dasar antarabangsa lain yang merujuk kepada hak Orang Asal secara keseluruhan seperti Deklarasi PBB terhadap Hak Orang Asal, ILO 169, dan VGGT.

⁸ [Deklarasi PBB atas Pembela Hak Asasi Manusia](#)

Kami mengiktiraf dan meraikan usaha perintis yang wujud untuk menangani beberapa masalah yang kami hadapi. Di sesetengah tempat, pihak mahkamah telah mengarahkan pengembalian semula tanah masyarakat kami, manakala beberapa buah negara telah mengiktiraf pemilikan dan kawalan oleh Orang Asal ke atas wilayah adat kami dan membenarkan tadbir urus sendiri. Beberapa kawasan perlindungan telah dikembalikan kepada hak milik, kawalan dan pengurusan masyarakat setempat, dan cara pemuliharaan alam yang lain seperti wilayah Orang Asal dan kawasan pemuliharaan masyarakat sedang mula diiktiraf. Beberapa projek pemulihan habitat tempatan yang penting telah dijalankan dengan kerjasama masyarakat kami. Walaupun usaha sebegini dapat dijadikan pedoman, malangnya contoh-contoh di atas masih jarang dilaksanakan.

Demi menangani cabaran berterusan yang dihadapi, kami menyeru pihak kerajaan untuk menambahbaik dasar kebangsaan terhadap masyarakat kami. Pertama sekali, dengan mengiktiraf dan menjamin secara rasmi hak kami ke atas wilayah masing-masing serta dalam penggunaan sumber bersama. Selain itu, mengiktiraf pihak berkuasa tradisional kami dan undang-undang adat, serta menggalakkan jenis pendidikan yang sesuai dari segi budaya, yang menghormati cara hidup kami dan menggalakkan belia untuk menghargai pengetahuan dan identiti tradisional. Masyarakat berpindah harus diwakili secara adil dan dirujuk apabila keputusan yang berkaitan dengan kami dibuat oleh pihak berkuasa.

Kami menyeru mereka yang bekerja dalam bidang pemuliharaan alam untuk menghormati hak kami. Kerjasama dengan kami untuk melindungi kawasan nenek moyang kami serta kepelbagaian bio-budaya dan ekosistem yang kami menghargai dan menjaga dengan menggunakan pengetahuan tradisional dan amalan pengurusan adat. Kami ingin mengingatkan mereka untuk melaksanakan janji-janji di bawah Perjanjian Durban⁹ dan Pelan Tindakan Durban. Ini selaras dengan keputusan Persidangan Parti-parti (*Conference of Parties - CoP*) Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity - CBD*)¹⁰, dan Mesej Utama Jawatankuasa Antara Kerajaan mengenai Kepelbagaian Biologi dan Perkhidmatan Ekosistem (*Inter-Governmental Panel on Biodiversity and Ecosystem Services - IPBES*)¹¹ yang berkenaan. Kami menyeru mereka untuk melaksanakan Mekanisme Whakatane secara berkesan dengan sumber mencukupi. Sesebuah mekanisme yang cekap perlu dibangunkan di mana pihak yang terjejas oleh pewartaan kawasan perlindungan dapat menyuarakan kebimbangan mereka, dan selepas itu diadili secara saksama dan ditangani melalui pengembalian kawasan, pampasan dan pengantaraan.

Kami menyeru syarikat-syarikat untuk menghormati hak masyarakat kami, untuk melaksanakan penilaian impak sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar yang melibatkan semua lapisan masyarakat yang mungkin terjejas, selaras dengan Garis Panduan Akwe:kon¹². Projek mereka di wilayah adat kami hanya patut dijalankan setelah mengadakan perkongsian maklumat secara tulus dan setelah memperoleh Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum (*Free, Prior and Informed Consent - FPIC*) melalui prosedur dan daripada wakil yang ditetapkan oleh kami sendiri.¹³ Mereka harus memberikan pampasan yang adil untuk sebarang kerugian dan kerosakan.

Kami menyeru agensi PBB, Universiti, Pertubuhan Masyarakat Awam dan Pertubuhan Berasaskan Komuniti untuk menyokong usaha kami, bersepakat dengan kami dan memberi sokongan kewangan kepada usaha yang diterajui masyarakat kami. Secara khususnya, kami menyeru Forum Kekal PBB mengenai Isu Orang Asal (*UN Permanent Forum on Indigenous Issues - UNPFII*) atau Mekanisme Pakar mengenai Hak

⁹ Pengesahan Pengisytiharan Dana dalam 5.2.7 dan di Kongress Pemuliharaan Sedunia (*World Conservation Congress*) ke-4 di Barcelona.

¹⁰ CBD COP 7 Keputusan 28, COP 10 Keputusan 2, COP 12 Keputusan 12, COP 14 Keputusan 8, dengan lampiran masing-masing.

¹¹ IPBES 'Mesej Utama' A6, B6 dan D5 dalam Penilaian Global.

¹² <https://www.cbd.int/doc/publications/akwe-brochure-en.pdf>

¹³ <https://www.fao.org/3/i3496e/i3496e.pdf>

Orang Asal (*Expert Mechanism on Rights of Indigenous Peoples - EMRIP*) untuk menjalankan penyiasatan tertumpu dan menerbitkan laporan mengenai keadaan Masyarakat Berpindah, serta membuat cadangan khusus mengenai perlindungan hak asasi kami.

Kami juga meminta para penyelidik untuk bersama merangkakan projek penyelidikan yang mencari penyelesaian kepada cabaran utama kami, selaras dengan hak kami untuk memberi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Termaklum. Projek penyelidikan perlu juga membina kemampuan penyelidik dan belia tempatan, dan tidak dipengaruhi oleh agensi pembangunan dan pemuliharaan alam. Hasil kajian patut dikongsikan dengan masyarakat kami untuk menerima pengesahan sebelum disebar. Hasil kajian juga harus senang dirujuk oleh orang ramai.

Kami juga berjanji untuk menggerakkan masyarakat kami dan mengukuhkan jalinan sesama masyarakat berpindah, menjamin penglibatan wanita dan belia dan melaksanakan advokasi di peringkat dunia. Kami akan bertindak bersama dan bersatu padu untuk menyokong satu sama lain apabila berlaku krisis dan menubuhkan saluran media yang khusus untuk memenuhi keperluan kami. Kami juga akan terus memperkasakan kesatuan, pertubuhan dan rangkaian tempatan, kebangsaan dan serantau yang sedia ada.

Kami menawarkan manifesto ini sebagai jemputan terbuka untuk bersama-sama memperdalamkan persefahaman mengenai kepentingan cara hidup berpindah untuk masa depan dunia kita, dan untuk membuka saluran kerjasama baru antara semua pihak yang berkenaan.

Penandatanganan Manifesto

Ariell Ahearn, Departmental Lecturer, University of Oxford, UK.

Abd Alrazzaq Al-Khawaldeh, Duty Manager of the Dana Guesthouse, Jordan.

Alejandro Argumedo, International Network of Mountain Indigenous Peoples (INMIP), Peru

Raed Hasan Al-Khawaldeh, Tourism Manager of Dana Reserve, Jordan.

Salem Mutlak Alzalabih, Wadi Rum, Jordan.

Alhassan Jaoji Attahiru, Confederation of Traditional Stockbreeders Organisations (CORET), Nigeria.

Mahmoud Abdullah Mohammed Bdoul, Bdoul tribe, Petra, Jordan.

Amer Shehdeh Khawaldeh, President, Dana & Qadisiyah Local Community Cooperative, Jordan.

Eng Basem Eid Khawaldeh, Alnawatif Cooperative, Jordan.

Khalid Khawaldeh, Global coordinator, World Alliance of Mobile Indigenous People (WAMIP).

Sara-Elvira Kuhmunen, President of the Sámi Youth Association, Sweden.

Dawn Chatty, Emeritus Professor, University of Oxford, UK.

Marcus Colchester, Senior Policy Advisor, Forest Peoples Programme, UK.

Alain Frechette, Rights and Resources Initiative.

Jérémie Gilbert, Professor of Human Rights, University of Roehampton, UK.

Elizabeth Hempstead, Research Assistant, University of Oxford, UK.

Saverio Krätli, Independent Researcher and Editor, *Journal of Nomadic Peoples*, UK.

Mohammad bin Pokok, Headman of Kuala Koh Village, Malaysia.

Janali Qasemi, Member of the Board, UNINOMAD, Iran.

J. Terrance McCabe, University of Colorado, USA.

Olivia Mason, Research Associate in Geography, Newcastle University, UK.

Simon Maison Tong'oyo, Research and Field Coordinator of ILEPA, founder and director of Nchaischi Vision School, and Majimoto Group Ranch Secretary, Kenya.

Nahid Naghizadeh, Chair of the Board, CENESTA, Iran.

Bayarsaikhan Namsrai, Steps without Borders NGO, Mongolia.

Musa Usman Ndamba, 1st Vice National President MBOSCUA, Cameroon.

Helen Newing, Forest Peoples Programme, UK.

Sina Maghami Nick, DPhil student, School of Geography and the Environment, Oxford.
 Yannick NDOINYO, Executive Director - Traditional Ecosystems Survival Tanzania (TEST), Tanzania.
 Tumul Orto Galdibe, HSC, Toricha Livestock Breeds Farmer - Private Practice, Kenya.
 Dayali Devi Raika, Lokhit Pashu Palak Sansthan Sadri, Rajasthan India.
 Cory Rodgers, Senior Researcher, University of Oxford.
 Greta Semplici, PASTRES postdoctoral fellow, European University Institute, Italy.
 Usiel Seuakouje Kandjii: o'Seu Oningandu – Namibia.
 Indrani Sigamany, Research Consultant and Capacity Building Specialist, UK.
 Hanwant Singh, Lokhit Pashu Palak Sansthan Sadri, Rajasthan India.
 Munkhnasan Tsevegmed, Country Coordinator, International Year of Rangelands and Pastoralists,
 Mongolia.
 Cecilia Turin, Andean Pastoralism Researcher, Peru. Member of PASTOAMERICAS.
 WONG Pui May, conservation practitioner, Malaysia.
 Mohammad Zayadeen, Azazmih Tribe, Wadi Hidan, Jordan.



Terima kasih kepada Penaja Dana + 20:

Centre for British Research in the Levant (CBRL); Misereor [IYRP]; Oxford University's Refugee Studies Centre and School of Geography and the Environment; Rights and Resources Initiative; PASTRES; University of Nevada; Wenner Gren Foundation; BMUV; GEF; SGP and UNDP; WAMIP.